

***“MODUL KASIH SAYANG BERGANDA” SUSUNAN CIKGU AIDA AMIN
BUAT PELAJAR PERNIAGAAN SMK CLIFFORD***



**KERTAS 2
BAHAGIAN B :
SOALAN 7 (TRIAL BEBERAPA NEGERI PILIHAN)**


KULAI, 2021

7. (a) Maklumat berikut menunjukkan hasrat En. Faiz yang ingin memulakan perniagaan.

En Faiz bercadang untuk membuka sebuah Pusat Servis Kenderaan di kawasan perumahan yang baharu. Beliau telah berjaya mengumpulkan modal dan telah menjalani beberapa kursus keusahawanan. Beliau juga telah membuat kajian arah aliran perkembangan perniagaan yang sedia ada dalam pelbagai faktor selaras dengan pelbagai perubahan dalam persekitaran perniagaan.

- (i) Terangkan faktor penyumbang yang dapat membantu En Faiz memulakan perniagaan tersebut. [4 markah]
- (ii) Untuk memastikan perniagaan En Faiz dapat berkembang maju, beliau perlu sentiasa bersedia menghadapi pelbagai faktor luaran yang akan memberi kesan terhadap perniagaannya.
Apakah faktor luaran tersebut? [6 markah]

- (b) Rajah 2 menunjukkan struktur organisasi bagi sebuah perniagaan.



Rajah 2

Cadangkan sistem penggajian yang sesuai bagi struktur organisasi tersebut.

[5 markah]

**“MODUL KASIH SAYANG BERGANDA” SUSUNAN CIKGU AIDA AMIN
BUAT PELAJAR PERNIAGAAN SMK CLIFFORD**

PASIR GUDANG 2021

- 7 (a) Situasi di bawah berkaitan dengan faktor memulakan perniagaan

Sufi mempunyai simpanan peribadi sebanyak RM5 000. Dia bercadang ingin memulakan perniagaan menjual nasi lemak kukus dan ayam goreng crispy secara kecil-kecilan di Taman Scientex. Sufi mempunyai pengalaman membantu ibunya menguruskan kedai makan di kampung. Beliau menggunakan media social untuk mempromosikan perniagaannya. Dia juga pernah mendapat latihan dalam pengurusan kewangan dari MARA. Namun begitu dia belum yakin untuk memulakan perniagaan tersebut.

Terangkan faktor penyumbang lain yang dapat membantu Sufi yakin untuk memulakan perniagaannya [4 markah]

- (b) Dialog berikut adalah antara dua orang pengurus syarikat .

Azman : Saya bercadang untuk membuka sebuah cawangan di Kulai, Johor. Memandangkan kita mempunyai tenaga kerja yang mencukupi dan mereka telah faham budaya kerja organisasi, saya rasa kita tidak perlu mengambil pekerja baru.
Alia : Pada saya mengambil pekerja baru boleh membawa idea baharu untuk perkembangan perniagaan kita
Azman: Tapi mengambil pekerja baharu akan melibatkan peningkatan kos.

Adakah anda bersetuju dengan Encik Azman? Berikan alasan anda. [6 markah]

- (c) Rajah berikut berkaitan jawatan kosong di Fuad Bakeri.

FUAD BAKERI J.B



JAWATAN KOSONG
1- PEMBANTU DAPUR & PEMASARAN

- Latihan akan disediakan
- Gaji pokok berdasarkan pengalaman kerja (minimum RM 1500)
- Waktu Bekerja : 8.30 pagi – 11.00 malam (Shift)
- Hari Bekerja : Selasa – Ahad
- Faedah tambahan bagi pemohon dari luar Johor Bahru

Hubungi : Encik Fuad 019-2132131

Cadangkan bentuk faedah yang boleh disediakan oleh Encik Fuad.

[5 markah]

***"MODUL KASIH SAYANG BERGANDA" SUSUNAN CIKGU AIDA AMIN
BUAT PELAJAR PERNIAGAAN SMK CLIFFORD***

KELANTAN 2021

7. Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Zul yang memiliki Syarikat Agro Jaya.

Encik Zul seorang usahawan muda yang berjaya mengusahakan tanaman padi seluas 20 hektar di Pasir Puteh, Kelantan. Bangunan pejabat Syarikat Agro Jaya terletak di Kampung Padang Pak Amat. Syarikat ini mempunyai 2 orang pekerja yang menguruskan hal ehwal pentadbiran menggunakan peralatan komputer sepenuhnya. Terdapat 4 orang pekerja di bahagian operasi yang mengendalikan 2 buah jentera pembajak dan 2 mesin penanam padi. Selaku pengurus syarikat, Encik Zul berhasrat ingin mengembangkan lagi tanaman padi kepada 30 hektar tanah. Beliau tidak bercadang untuk membeli mesin penuai padi kerana harganya terlalu tinggi. Encik Zul menghubungi bank CIMB bagi mendapatkan jenis pembiayaan yang sesuai untuk mendapatkan mesin penuai padi.

- a) Kenal pasti apakah sektor yang diceburi oleh Syarikat Agro Jaya. [4 markah]
- b) Bagaimanakah syarikat ini dapat mengurus sumber fizikal dengan baik? [7 markah]
- c) Terangkan jenis sumber pembiayaan yang sesuai bagi syarikat ini. [4 markah]

TERENGGANU 2020

7 Jadual 1 yang berikut berkaitan dengan perniagaan Encik Ahmad

PERKARA	BUTIRAN
Nama perniagaan	Melon Farm Sdn .Bhd.
Bentuk pemilikan	Sendirian Berhad
Aktiviti perniagaan	Pelbagai variasi buah melon dan biji benih
Jumlah jualan pada tahun 2019	RM2.5 juta
Bilangan pekerja tetap	10 orang
Modal berbayar	RM250 000

- (a) Nyatakan saiz perniagaan Encik Ahmad berdasarkan jadual 1. [1 markah]
- (b) Jelaskan kelebihan perniagaan Encik Ahmad berdasarkan saiz perniagaan yang dinyatakan pada soalan 7(a). [7 markah]
- (c) Terangkan cabaran yang dihadapi oleh Encik Ahmad apabila memilih saiz perniagaan tersebut. [7 markah]

***"MODUL KASIH SAYANG BERGANDA" SUSUNAN CIKGU AIDA AMIN
BUAT PELAJAR PERNIAGAAN SMK CLIFFORD***

PERLIS 2021

- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah syarikat.

Syarikat Formulagrowth Sendirian Berhad yang ditubuhkan pada tahun 2008 merupakan sebuah syarikat yang menghasilkan susu formula untuk dewasa dan kanak-kanak di seluruh negara. Syarikat mempunyai dua buah kilang yang beroperasi di Selangor dan Perak dengan bilangan pekerja seramai 120 orang. Pada tahun 2018 syarikat mencatatkan jualan tertinggi berjumlah RM45 juta. Pada tahun berikutnya, peningkatan jualan adalah sebanyak 30%, menjadi faktor menyebabkan syarikat cuba untuk memasarkan produknya ke negara Asia Tenggara. Namun pihak pengurusan perlu mempertimbangkan faktor citarasa penduduk dan undang-undang di negara-negara tersebut yang secara tidak langsung akan mengubah visi, misi dan objektif syarikat mereka.

- a) Jelaskan skala perniagaan Syarikat Formulagrowth Sendirian Berhad. [3 markah]
- b) Jelaskan **tiga** kelebihan perniagaan bersaiz ini. [6 markah]
- c) Huraikan **tiga** faktor yang boleh mempengaruhi pihak pengurusan dalam membuat perubahan penetapan visi, misi dan objektif perniagaan. [6 markah]

SELANGOR 2021

- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan.

Irfan dan Rayyan ialah pemilik Syarikat I&R Sdn Bhd., pengeluar pakaian di Shah Alam. Modal permulaan sebanyak RM100 000 diperolehi daripada simpanan pemilik dan pembiayaan agensi kerajaan. Mereka juga telah menghadiri latihan kemahiran anjuran MARA untuk meningkatkan pengetahuan dalam perniagaan.

Buat permulaan, seramai 10 orang pekerja sepenuh masa diambil untuk melancarkan operasi syarikat. Selepas setahun beroperasi, terdapat rungutan daripada pekerja mengenai fasiliti yang kurang memuaskan dan gaji yang diterima tidak sepadan dengan kerja yang mereka buat. Oleh itu, pihak syarikat telah mengambil keputusan untuk mengkaji perkara berkenaan.

- (a) Jelaskan kelebihan bentuk pemilikan perniagaan Irfan dan Rayyan. [5 markah]
- (b) Terangkan faktor-faktor penyumbang untuk memulakan perniagaan tersebut. [4 markah]
- (c) Anda berpendapat pihak syarikat wajar mengambil keputusan tersebut. Berikan alasan anda. [6 markah]

**“MODUL KASIH SAYANG BERGANDA” SUSUNAN CIKGU AIDA AMIN
BUAT PELAJAR PERNIAGAAN SMK CLIFFORD**

NEGERI SEMBILAN 2021

- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan.

Perabot Isa Sdn. Bhd. merupakan syarikat pengeluar perabot yang mempunyai 60 orang pekerja tetap dan 20 orang pekerja sambilan. Syarikat menikmati jualan tahunan sebanyak RM10 juta pada tahun 2019. Namun, sejak tahun 2020, pendapatan perniagaan ini terjejas akibat kuasa beli masyarakat yang semakin menurun akibat pandemik Covid-19. Situasi ini menyebabkan kerajaan mengambil pelbagai tindakan dengan segera untuk memulihkan masalah ekonomi yang berlaku. Sehubungan dengan itu, lembaga pengarah syarikat telah mengarahkan bahagian pentadbiran juga untuk menjalankan peranan yang sewajarnya.

- (a) (i) Jelaskan saiz perniagaan tersebut. [3 markah]
- (ii) Terangkan cabaran perniagaan bagi saiz tersebut. [6 markah]
- (b) Nyatakan situasi ekonomi yang berlaku dalam petikan. Bagaimanakah cara kerajaan mengatasi masalah tersebut? [4 markah]
- (c) Jelaskan peranan yang dimaksudkan oleh lembaga pengarah syarikat. [2 markah]

**KUALA
LUMPUR21**

- 7 Maklumat di bawah berkaitan dengan maklumat perniagaan

SYARIKAT RODA RODA HAKIM Sdn. Bhd.



Syarikat Roda Roda Hakim Sdn. Bhd. ialah syarikat pengeluar motosikal yang terkemuka di Malaysia. Syarikat ini mengeluarkan pelbagai jenis motosikal dengan kuasa yang berbeza-beza. Syarikat ini mempunyai 250 orang pekerja. Syarikat ini menggunakan teknik pemasaran yang unik yang tidak dapat ditandingi oleh pesaingnya. Syarikat Roda Roda Hakim menguasai 45% syer pasaran di Malaysia manakala 55% syer pasaran dikuasai oleh dua syarikat tempatan lain. Kedudukan kewangan syarikat sangat kukuh di mana syarikat memperoleh keuntungan sebanyak RM 10 juta pada tahun 2020. Oleh kerana kedudukan kewangan yang kukuh, pihak pengurusan bercadang untuk meluaskan pasaran ke luar negara.

- (a) Jelaskan bentuk milikan perniagaan Syarikat Roda Roda Hakim Sdn. Bhd. [5 markah]
- (b) Adakah Syarikat Roda Roda Hakim dianggap sebagai pemimpin dalam pasaran? Jelaskan [6 markah]
- (c) Apakah kelebihan kepada syarikat sekiranya syarikat ini bercadang meluaskan pasaran ke luar negara? [4 markah]


PULAU PINANG
2021

7.(a) Maklumat berikut berkaitan dengan satu bentuk perniagaan.

- Suatu perkongsian strategik antara dua atau lebih individu atau syarikat
- Kedua-dua pihak tersebut bekerjasama mengeluarkan barang atau perkhidmatan dalam jangka masa tertentu

- (b) (i) Berikan maksud titik pulang modal (TPM) [2 markah]
(ii) Berikan formula pengiraan TPM. [1 markah]
(iii) Jelaskan tujuan penggunaan titik pulang modal (TPM) [3 markah]

(c) Rajah berikut menunjukkan graf pengeluaran sebuah perniagaan.



Jelaskan yang berikut:

- I. garisan X
- II. garisan Y
- III. H_1
- IV. Q_1
- V. Titik S_1

[5 markah]

***“MODUL KASIH SAYANG BERGANDA” SUSUNAN CIKGU AIDA AMIN
BUAT PELAJAR PERNIAGAAN SMK CLIFFORD***

MIRI 2021

7. Maklumat yang berikut berkaitan dengan visi, misi dan objektif perniagaan Bread House, sebuah perniagaan milikan tunggal dengan modal permulaan RM80000 di Kuala Terengganu.

Motto	Roti Lembut dan Sedap
Visi	Menjadi syarikat terbaik di Malaysia dalam industri kek dan bakeri halal
Objektif	- Menipta peluang perniagaan dalam industri kek dan bakeri - Membangunkan satu konsep perniagaan rangkaian kek dan bakeri yang bertaraf dunia meliputi seluruh negara - Peningkatan 45% keuntungan setahun

- (a) Mengapakah perniagaan Bread House perlu menyediakan visi, misi dan objektif perniagaan? [3 markah]
- (b) Adakah objektif perniagaan Bread House menepati ciri-ciri SMART. Berikan alasan anda. [6 markah]
- (c) Pengurus Bread House mendapati keuntungan yang diperoleh tidak mencapai objektif. Beliau bercadang untuk mengubah objektif perniagaannya dengan mengaplikasikan analisis SWOT. Jelaskan analisis SWOT yang boleh diperhalusi untuk menyediakan semula objektif perniagaannya. [6 markah]

**KERTAS 2
BAHAGIAN B :
SOALAN 8 (TRIAL BEBERAPA NEGERI PILIHAN)**

KULAI, 2021

8 Maklumat berikut berkaitan dengan Speedy Sdn Bhd.

Speedy Sdn Bhd menyediakan perkhidmatan penghantaran barang di sekitar kawasan Kulai, Johor. Misi syarikat ialah menyediakan perkhidmatan penghantaran barang yang cekap dan mesra pelanggan. Berikut adalah senarai kenderaan yang digunakan dalam operasi perkhidmatannya.

- Van 2 buah
- Motorsikal 2 buah
- Lori 1 buah

Permintaan yang tinggi daripada penduduk sekitar menyebabkan syarikat terpaksa menambah bilangan kenderaan yang digunakan. Oleh itu, syarikat mempertimbangkan untuk membeli kenderaan tersebut secara tunai atau sewa beli daripada pihak bank.

(a) Mengapakah Speedy Sdn Bhd menetapkan misi bagi perniagaannya?

[6 markah]

(b) Speedy Sdn Bhd perlu mengurus mesin dan peralatan dengan sistematik.

Jelaskan tujuan syarikat ini bertindak sedemikian.

[4 markah]

(c) Apakah jenis pembiayaan yang sesuai dipilih oleh syarikat tersebut?

Beri alasan anda.

[5 markah]

***“MODUL KASIH SAYANG BERGANDA” SUSUNAN CIKGU AIDA AMIN
BUAT PELAJAR PERNIAGAAN SMK CLIFFORD***

BATU PAHAT 2021

8. Berikut perbualan di antara Pengurus Besar dan Pengurus Operasi Syarikat Berjaya Sdn Bhd.

Pengurus Besar	: Sebelum kita mulakan mesyuarat hari ini, mari kita melihat kembali misi Syarikat Berjaya Sdn Bhd “ Menawarkan produk dan perkhidmatan berkualiti bertaraf antarabangsa’. Encik Azman dah periksa mesin pengisar yang baru sampai?
Pengurus Operasi	: Belum Encik Amir, kebiasaan mesin baru tidak ada masalah dan berfungsi dengan baik.
Pengurus Besar	: Mencegah lebih baik daripada merawat. Periksa segera sebelum kita terpaksa menanggung kos yang lebih tinggi.
Pengurus Operasi	: Baik Encik Amir.

- a) (i) Jelaskan maksud misi. [2 markah]
(ii) Mengapakah Pengurus Besar mengingatkan staf di bawahnya tentang misi syarikat? [4 markah]
- b) Jelaskan kepentingan tindakan Pengurus Operasi dalam pengurusan sumber fizikal. [4 markah]
- c) Cadangkan satu jenis pembiayaan yang sesuai, sekiranya Syarikat Berjaya Sdn Bhd ingin mengurangkan kos pembelian mesin. [5 markah]

***"MODUL KASIH SAYANG BERGANDA" SUSUNAN CIKGU AIDA AMIN
BUAT PELAJAR PERNIAGAAN SMK CLIFFORD***

KELANTAN

2021

- 8 Maklumat di bawah berkaitan dengan Puan Azah.

Puan Azah adalah seorang usahawan yang terkenal. Beliau telah menjalankan perniagaan pastri sejak lima tahun yang lalu di Ketereh. Beliau telah mendaftar perniagaannya dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) cawangan Kota Bharu. Pada peringkat awal perniagaannya, pelanggan hanya terdiri daripada masyarakat setempat. Tetapi kini, pasaran pastri keluaran perniagaannya semakin maju sehingga mendapat permintaan dari luar kawasan. Puan Azah bercadang membuka cawangan di Machang dan Kota Bharu. Beliau sentiasa memikirkan kaedah dan cara yang sesuai bagi mengekalkan pelanggannya di samping memenuhi kepuasan dan cita rasa pelanggan. Ini adalah kerana beliau terpaksa berhadapan dengan beberapa pesaing lain yang menjalankan perniagaan sama.

- a) Jelaskan kelebihan Puan Azah sebagai usahawan kepada masyarakat. [3 markah]
- b) Apakah tanggungjawab Puan Azah setelah mendaftarkan perniagaan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)? [5 markah]
- c) Jelaskan faedah yang diperolehi Puan Azah apabila mendaftar perniagaan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). [7 markah]

PERLIS

2020

- 8 Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Syarikat S-Power Sendirian Berhad.

Syarikat S-Power Sendirian Berhad merupakan sebuah syarikat yang menghasilkan pelbagai barangan elektrik untuk pasaran tempatan. Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat ialah Encik Shahrul Anuar. Syarikat mempunyai beberapa jabatan iaitu jabatan pengeluaran, jabatan pemasaran, jabatan kewangan dan jabatan sumber manusia. Jabatan pengeluaran diketuai oleh Encik Mahesh, seorang jurutera elektrik yang berpengalaman dan berpengetahuan luas dalam bidang tersebut. Jabatan pemasaran pula diketuai oleh Puan Rohana. Pengurus bagi jabatan kewangan ialah Encik Chang, manakala pengurus sumber manusia ialah Puan Bella.

- a) Lukis dan label carta organisasi Syarikat S-Power Sendirian Berhad. [3 markah]
- b) Terangkan tanggungjawab pengurus di setiap peringkat pengurusan organisasi. [6 markah]
- c) Syarikat S-Power Sendirian Berhad perlu menyediakan Rancangan Perniagaan sebagai panduan dalam syarikat. Jelaskan **tiga** pihak berkepentingan yang memerlukan Rancangan Perniagaan. [6 markah]

SELANGOR
2021

- 8 Perniagaan Pet Luv Enterprise ialah perniagaan yang menjual makanan dan peralatan haiwan peliharaan di Kapar, Klang. Maklumat berikut berkaitan dengan prestasi kewangan perniagaan tersebut.


PET LUV ENTERPRISE		
Butiran	2019	2020
	(RM)	(RM)
Aset Semasa	20 000	40 000
Aset Bukan Semasa	40 000	45 000
Liabiliti Semasa	9 000	12 000
Liabiliti Bukan Semasa	15 000	20 000
Untung Bersih	30 000	60 000

Sambutan yang baik membuatkan perniagaan ini merancang untuk membuka sebuah lagi cawangan baharu di Sekinchan.

- (a) Bandingkan prestasi perniagaan tersebut.
Kemukakan bukti anda dengan menggunakan nisbah semasa. [8 markah]
- (b) Cadangkan kaedah promosi yang sesuai untuk cawangan baharu tersebut.
Kemukakan alasan anda. [7 markah]

NEGERI SEMBILAN 2021

- 8 (a) Rajah 3 menunjukkan prosedur mendapatkan sumber pembiayaan.



Rajah 3

Terangkan.

- (i) P [2 markah]
- (ii) Q [2 markah]
- (b) Mengapakah usahawan menggunakan penyata pendapatan dalam menganalisis operasi kewangan perniagaan? [4 markah]
- (c) Gambar 7 berkaitan ciri-ciri keperibadian usahawan yang ada pada Dato' David Jo, seorang pengarah filem terkenal di Malaysia.



Gambar 7

- (i) Jelaskan ciri-ciri keperibadian yang dimiliki oleh beliau. [5 markah]
- (ii) Bagaimanakah industri yang diceburinya memberi kelebihan kepada masyarakat? [2 markah]

**“MODUL KASIH SAYANG BERGANDA” SUSUNAN CIKGU AIDA AMIN
BUAT PELAJAR PERNIAGAAN SMK CLIFFORD**

PULAU PINANG 2021

8. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Syarikat ABC Berhad.

Syarikat ABC Berhad merupakan sebuah syarikat pengeluaran dan penjualan komputer untuk pasaran tempatan. Pengarah urusan syarikat ialah En. Weldon. Syarikat mempunyai beberapa jabatan, iaitu jabatan pengeluaran, jabatan pemasaran dan jabatan sumber manusia. Jabatan pengeluaran diketuai oleh En. Magesh, seorang jurutera yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang meluas dalam bidang kejuruteraan elektrik & elektronik.

Pengurus jabatan pemasaran ialah Puan Vivian dan dibantu oleh dua orang eksekutif pemasaran iaitu Cik Manisah dan En. Rafiz. Jabatan Sumber manusia pula diketuai oleh En. Anthony bertanggungjawab sepenuhnya terhadap hal ehwal pengurusan pekerja. Manakala, En. Rashdan bertugas sebagai Penyelia Pengeluaran

- (a) Lakar dan labelkan carta organisasi syarikat ABC. [7 Markah]
(b) Bincangkan **empat** elemen campuran pemasaran bagi memasarkan komputer [8 Markah]

KUALA LUMPUR 2021

8 Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Anthony, seorang usahawan

Encik Anthony merupakan seorang pengusaha perabot jati di Mantin, Negeri Sembilan. Beliau menubuhkan perniagaan pada 1 Januari 2018 dan mengupah enam orang pekerja untuk membantunya dalam proses pembuatan perabot jati. Beliau telah membuat analisis perbandingan pendapatan daripada jualan dari 2018 sehingga 2020. Graf berikut menunjukkan hasil jualan untuk 3 tahun berturut



Bagi memastikan permintaan terhadap perabot jati buatannya mendapat sambutan hangat, Encik Anthony memberi tumpuan yang penuh kepada strategi promosi dan strategi harga.

***“MODUL KASIH SAYANG BERGANDA” SUSUNAN CIKGU AIDA AMIN
BUAT PELAJAR PERNIAGAAN SMK CLIFFORD***

- (a) Jelaskan kelebihan Encik Anthony sebagai seorang usahawan [3 markah]
- (b) Bagaimanakah Encik Anthony menguruskan sumber fizikal perniagaannya [6 markah]
- (c) Huraikan strategi harga dan strategi promosi yang perlu dilakukan oleh Encik Anthony untuk meningkatkan jualannya [6 markah]

MIRI 2021

8. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan perniagaan Encik Meisa.

Encik Meisa ingin menjalankan perniagaan memproses keropok. Dia memerlukan modal awal sebanyak RM120000 manakala simpanannya hanya RM50000. Beliau menghadapi masalah kekurangan sumber kewangan untuk menjalankan perniagaan. Maka, Encik Meisa memerlukan pembiayaan untuk menjalankan perniagaan ini.

- (a) Apakah sumber pembiayaan dalaman dan pembiayaan luaran yang dapat membantu Encik Meisa menjalankan perniagaannya? [4 markah]
- (b) Sekiranya perniagaan Encik Meisa memperoleh keuntungan kasar, beliau bercadang untuk mengembangkan perniagaannya.
Cadangkan sumber pembiayaan yang sesuai dan berikan alasan. [4 markah]
- (c) Huraikan faktor-faktor yang perlu dipertimbang oleh Encik Meisa untuk memulakan perniagaannya. [7 markah]

**KERTAS 2
BAHAGIAN B :
SOALAN 9 (TRIAL BEBERAPA NEGERI PILIHAN)**

KULAI, 2021

- 9 (a) Maklumat berikut diperolehi daripada rekod kewangan Perniagaan Eramaju bagi tahun 2021.


BUTIRAN	RM
Untung Kasar	65 500
Untung Bersih	35 000
Jualan bersih	115 000
Belian Bersih	100 000
Kos Jualan	56 000
Modal Awal	135 000
Modal Akhir	185 000

Jelaskan prestasi kedudukan kewangan Perniagaan Eramaju berdasarkan peratus untung bersih dan peratus pulangan atas modal. [5 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan perniagaan Pn Shidah.

Pn Shidah telah menjalankan perniagaan menjual sambal petai selama 10 tahun di Batu Pahat, Johor. Matlamat perniagaannya ialah menjadi pengeluar sambal petai yang terkenal di seluruh Johor. Perniagaannya mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk tempatan. Ini memberi semangat kepada Pn Shidah untuk mengembangkan lagi perniagaannya. Beliau telah melaksanakan pelbagai strategi pemasaran dan berjaya menguasai pasaran seluruh Johor.

Graf di bawah menunjukkan jumlah keuntungan yang diperolehi dalam tempoh 4 tahun.



**“MODUL KASIH SAYANG BERGANDA” SUSUNAN CIKGU AIDA AMIN
BUAT PELAJAR PERNIAGAAN SMK CLIFFORD**

- (i) Apakah trend perniagaan Pn Shidah bagi tempoh 4 tahun tersebut?
Berikan alasan anda. [4 markah]
- (ii) Terangkan faktor-faktor yang boleh menyebabkan misi dan objektif perniagaan Pn Shidah perlu dinilai semula. [6 markah]

PASIR GUDANG 2021

- 9 (a) Maklumat berikut merupakan penyata kewangan sebuah perniagaan

Syarikat Berjaya Sejuk Beku Sdn Bhd

Kunci Kira-kira Pada 31 Disember 2020

	<u>RM</u>	<u>RM</u>
Aset Bukan Semasa		
Peti sejuk beku	50 000	
Perabot	<u>20 000</u>	70 000
Aset Semasa		
Stok Akhir	40 000	
Penghutang	25 000	
Tunai	<u>10 000</u>	<u>75 000</u>
		<u>145 000</u>
Ekuiti Pemilik		
Modal Awal		60 000
Tambah : Untung bersih		<u>45 000</u>
		105 000
Tolak : Ambilan		<u>2 000</u>
Modal Akhir		103 000
Liabiliti Bukan Semasa		
Pinjaman		25 000
Liabiliti Semasa		
Pemiutang		<u>17 000</u>
		<u>145 000</u>

- (i) Kirakan nilai nisbah semasa bagi Syarikat Berjaya Sejuk Beku Sdn Bhd [2 markah]
- (ii) Jelaskan kepentingan analisis nisbah semasa Syarikat Berjaya Sejuk Beku. [3 markah]

**“MODUL KASIH SAYANG BERGANDA” SUSUNAN CIKGU AIDA AMIN
BUAT PELAJAR PERNIAGAAN SMK CLIFFORD**

- (b) Graf berikut menunjukkan prestasi Syarikat Cuci Bersih Sdn Bhd.



Cadangkan tindakan yang boleh diambil oleh pihak pengurusan bagi mengatasi masalah tersebut. [4 markah]


- (c) Pernyataan dibawah berkaitan dengan U Mobile Berhad

U Mobile Berhad merupakan syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi di Malaysia. Syarikat ini telah beroperasi 23 tahun yang lalu. Misi syarikat adalah menyediakan penyediaan mudah alih dan digital yang membolehkan pengguna meneruskan minat dan merealisasikan potensi diri tanpa had. U Mobile memberi penekan kepada faktor luaran seperti sosiobudaya berbanding faktor dalaman dalam mencapai misi syarikat.

Jelaskan kelebihan tindakan pihak pengurusan tersebut? [6 markah]

KELANTAN 2021

- 9 Rajah berikut menunjukkan jumlah hasil dan jumlah kos bagi MM Enterprise yang menjalankan perniagaan di Kubang Kerian, Kelantan.



Rajah 4

***"MODUL KASIH SAYANG BERGANDA" SUSUNAN CIKGU AIDA AMIN
BUAT PELAJAR PERNIAGAAN SMK CLIFFORD***

- (a) Jelaskan R. [3 markah]
- (b) (i) Apakah kawasan berlorek? [1 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah strategi produk dan strategi
 promosi yang perlu dilaksanakan oleh MM Enterprise sekiranya
 pengeluaran berada di (b) (i). [8 markah]
- (c) Hitung titik pulang modal perniagaan MM Enterprise dalam
 sebutan RM jika produk tersebut dijual pada harga RM10 dan
 kos berubah adalah RM6 seunit. [3 markah]

TERENGGANU 2020

- 9 (a) Pernyataan berikut berkaitan dengan perniagaan Syarikat Mukminah

Syarikat Mukminah merancang untuk mengeluarkan Tempoyak Petai Kak Mukminah secara besar-besaran. Puan Naimah, pengurus pemasaran diminta untuk merancang campuran pemasaran bagi produk tersebut. Dalam masa yang sama, Syarikat Mukminah menghadapi masalah kekurangan modal. Untuk mengatasi masalah tersebut, Syarikat Mukminah menyediakan Rancangan Perniagaan untuk memohon pinjaman daripada pihak bank.

- Nyatakan kepentingan menyediakan rancangan perniagaan tersebut. [4 Markah]
- (b) Jelaskan elemen rancangan pentadbiran yang dihasilkan dalam rancangan perniagaan Syarikat Mukminah. [3 Markah]
- (c) Terangkan campuran pemasaran bagi produk Tempoyak Petai Kak Mukminah. [8 Markah]

***“MODUL KASIH SAYANG BERGANDA” SUSUNAN CIKGU AIDA AMIN
BUAT PELAJAR PERNIAGAAN SMK CLIFFORD***

PERLIS 2021

- 9 a) Puan Nirmala merupakan pemilik Syarikat Mala sementara Encik Kong pula adalah pemilik Syarikat Kongsi Sdn Bhd. Berikut adalah maklumat berkaitan dengan Syarikat Mala dan Syarikat Kong.

Butir	Syarikat Mala (RM)	Syarikat Kong (RM)
Jumlah jualan	240 000	250 000
Kos jualan	140 000	130 000
Untung kasar	100 000	120 000
Modal	176 000	200 000
Premis perniagaan	200 000	320 000
Untung bersih	48 000	47 000

- i) Hitung margin untung bersih Syarikat Mala dan Syarikat Kong. [5 markah]
- ii) Perniagaan manakah yang menunjukkan prestasi perniagaan yang lebih baik. Huraikan jawapan anda. [6 markah]
- b) Nyatakan dan jelaskan dua pihak berkepentingan yang memerlukan penyata kewangan perniagaan. [4 markah]

NEGERI SEMBILAN 2021

- 9 (a) Jadual 1 menunjukkan butiran kewangan daripada dua buah perniagaan komputer.

Maisara Cyber Gear	Butiran	Dinie i-Komputer
RM200 000	Modal pada 1 Januari	RM250 000
RM 95 700	Untung bersih	RM 84 100
RM153 370	Kos jualan	RM124 600
RM 50 000	Stok awal	RM 53 482
RM 11 348	Stok akhir	RM 17 718

Jadual 1

- (i) Perniagaan manakah menunjukkan pulangan atas modal dan pusing ganti stok yang lebih baik? Kemukakan bukti. [7 markah]
- (ii) Berdasarkan jawapan di 9 (a)(i), berikan cadangan yang boleh dilakukan oleh pihak pengurusan untuk meningkatkan keupayaan perniagaan yang berprestasi rendah. [4 markah]
- (b) Jelaskan faktor modal sebagai penyumbang dalam memulakan perniagaan. [4 markah]

**“MODUL KASIH SAYANG BERGANDA” SUSUNAN CIKGU AIDA AMIN
BUAT PELAJAR PERNIAGAAN SMK CLIFFORD**

KUALA LUMPUR 2021

- 9 Maklumat berikut berkaitan dengan Cik Shamini, seorang usahawan

Cik Shamini baru sahaja memulakan perniagaan mengeluarkan T Shirt sukan. Beliau mensasarkan untuk menjual di sekolah sekitar Kuala Lumpur untuk pasaran perniagaan. Beliau juga bercadang untuk memohon pembiayaan daripada bank untuk menambah modalnya.

- (a) Huraikan faktor penyumbang untuk Cik Shamini memulakan perniagaannya [6 markah]
- (b) Cadangkan aplikasi teknologi maklumat yang boleh digunakan dalam menjalankan perniagaan Cik Shamini [4 markah]
- (c) Cik Shamini bercadang untuk memohon pembiayaan dari bank untuk menambahkan modal perniagaannya. Jelaskan prosedur yang perlu dipatuhi oleh Cik Shamini untuk memohon pembiayaan dari bank [5 markah]

PULAU PINANG 2021

9. (a) Encik Musa ingin membuka sebuah kedai runcit dan ingin mendaftarkan perniagaan sebagai

‘Kedai Runcit Musa’

- (i) Di bawah akta manakan Encik Musa mendaftarkan perniagaannya? [1 markah]
- (ii) Dimanakah Encik Musa perlu memohon lesen perniagaan ? [1 markah]
- (iii) Terangkan prosedur pendaftaran perniagaan kepada Encik Musa. [5 markah]

- (b) Encik Samad merancang untuk memulakan perniagaan mencuci kenderaan.

- i. Senaraikan **empat** kepentingan menyediakan rancangan perniagaan kepada Encik Samad.

[4 markah]

- ii. Siapakah pihak yang memerlukan rancangan perniagaan Encik Samad? [4 markah]

**KERTAS 2
BAHAGIAN C :
SOALAN 10 (TRIAL BEBERAPA NEGERI PILIHAN)**

KULAI, 2021

10. Syarikat Raisya Beauty Sendirian Berhad telah diasaskan pada tahun 2000 oleh Puan Raisya dan rakan kongsinya iaitu Encik Hadif dan Puan Alyaa. Pada awalnya mereka membuka perniagaan secara perkongsian tetapi mereka bersetuju dengan cadangan Encik Hadif untuk meluaskan empayar perniagaan kepada syarikat sendirian berhad. Perniagaan ini menjalankan perkhidmatan spa dan kecantikan.

Puan Raisya telah mengagihkan bahagian fungsian yang bersesuaian dengan perniagaan seperti carta organisasi di bawah. Namun, Puan Alyaa merasakan bahawa perniagaan mereka perlu mewujudkan satu lagi bahagian fungsian lain yang boleh mewujudkan dan meningkatkan permintaan secara besar-besaran. Beliau bercadang untuk menghasilkan katalog untuk diedarkan ke rumah-rumah yang berhampiran dengan premis perniagaan. Selain itu, beliau juga bercadang untuk mengiklankan perkhidmatan ke media sosial dan media elektronik.



Penyata kewangan yang lengkap telah disediakan bagi tujuan rujukan dan membuat keputusan berkaitan syarikat. Laporan kewangan ini mengandungi maklumat keuntungan, kerugian, serta kedudukan nilai aset, liabiliti dan ekuiti perniagaan ini. Rekod kewangan yang disimpan dengan baik dan sistematik membolehkan penyata kewangan disediakan dengan tepat. Berikut adalah penyata yang menunjukkan punca perolehan dan penggunaan tunai bagi suatu tempoh tertentu. Penyata ini juga melaporkan kegiatan aliran tunai perniagaan, khususnya kegiatan operasi, pelaburan dan kewangan Syarikat Raisya Beauty Sendirian Berhad.

***“MODUL KASIH SAYANG BERGANDA” SUSUNAN CIKGU AIDA AMIN
BUAT PELAJAR PERNIAGAAN SMK CLIFFORD***

**Syarikat Raisya Beauty Sendirian Berhad
Penyata Aliran Tunai bagi Tiga Bulan Berakhir 31 Disember
2020**

	Okt	Nov	Dis
	RM	RM	RM
Baki b/b	100 000	B	135 960
PENERIMAAN			
Perkhidmatan Tunai	100 000	C	160 000
Pinjaman	10 000	20 000	-
Jumlah penerimaan	110 000	150 000	160 000
PEMBAYARAN			
Pembelian bahan mentah	40 000	50 000	55 000
Gaji	A	36 000	36 000
Perbelanjaan sewa	2 000	2 000	2 000
Faedah	1 520	1 520	1 520
Pembelian aset	20 000	-	-
Kos perkhidmatan	15 000	D	40 000
Jumlah pembayaran	114 520	109 520	134 520
Lebihan (Kurangan)	(4 520)	40 480	E
Baki h/b	B	135 960	161 440

**“MODUL KASIH SAYANG BERGANDA” SUSUNAN CIKGU AIDA AMIN
BUAT PELAJAR PERNIAGAAN SMK CLIFFORD**

Syarikat Raisya Beauty Sendirian Berhad telah menetapkan objektif untuk menubuhkan seberapa banyak cawangan di pelbagai negeri termasuk memperkenalkan konsep “mobile spa”. Berikut adalah antara perkhidmatan yang ditawarkan oleh Syarikat Raisya Beauty Sendirian Berhad iaitu sauna, lulur, jacuzzi, mandi susu dan urutan kaki.

RAISYA BEAUTY	
Package 1 (RM 420)	Package 2 (RM 340)
1. Sauna	1. Sauna
2. Lulur + Mask	2. Lulur + Mask
3. Jacuzzi	3. Jacuzzi
4. Massage (2 hours)	4. Massage (2 hours)
5. Foot Spa	5. Foot Spa
6. Rejuvenation Facial	6. Rejuvenation Facial
7. Hair Spa	7. Manicure & Pedicure
Package 3 (RM 260)	Package 4 (RM 180)
1. Sauna	1. Sauna + Tangas
2. Lulur	2. Lulur + Mask
3. Steamer	3. Traditional Massage
4. Rejuvenation Facial	4. Rejuvenation Facial
Massage + Body Mask	RM 108
Jacuzzi + Steam Bath + Massage	RM 140
Traditional Massage (1 hour).	RM 60
Lulur + Body Mask.	RM 180
Lulur only	RM 100
Body Mask only	RM 150
Milk Bath + Lulur.	RM 100
Body Scrub only	RM 128
Jacuzzi + Aromatherapy	RM 88
Sauna + Tangas.	RM 45
Foot Spa	RM 40
Slimming Massage.	RM 120
Slimming Mask.	RM 150

Syarikat Raisya Beauty Sendirian Berhad merancang untuk memberikan perkhidmatan urutan selepas bersalin. Puan Zhafirah, selaku pengurus pemasaran telah diarahkan untuk merancang campuran pemasaran. Antara kaedah promosi yang dijalankan ialah pengiklanan, promosi jualan dan publisiti.

Berdasarkan kes tersebut, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) Jelaskan kelebihan perniagaan Syarikat Raisya Beauty Sendirian Berhad. [3 markah]
- (b) Apakah bahagian fungsian yang dicadangkan oleh Puan Alyaa?
Jelaskan peranan bahagian fungsian tersebut.. [4 markah]
- (c) Kirakan nilai bagi A, B, C, D dan E. [5 markah]
- (d) Terangkan kesan yang dialami oleh Syarikat Raisya Beauty Sendirian Berhad sekiranya gagal dalam mencapai objektif perniagaan. [4 markah]
- (e) Sebagai pengusaha perkhidmatan spa dan kecantikan, apakah yang boleh anda lakukan untuk mempromosikan produk tempatan kepada pelancong luar? [4 markah]

PASIR GUDANG 2021

10. Iqbal dan Idrus telah memulakan perniagaan hiasan dalaman mereka, Hias Indah Enterprise pada 1 Januari 2020. Perniagaan yang bermodal RM200 000 ini menggunakan simpanan mereka sendiri sebanyak RM100 000 manakala selebihnya diperolehi melalui pinjaman daripada bank. Perniagaannya mempunyai 15 orang pekerja dengan 3 orang staff pentadbiran yang terdiri daripada seorang kerani akaun, kerani jualan dan pembelian. Manakala, 12 orang lagi merupakan krew pengeluaran. Iqbal sendiri bertindak sebagai pengurus pentadbiran dan Idrus merupakan pengurus pengeluaran.

Maklumat berikut menunjukkan petikan imbalan duga untuk tiga bulan perniagaan ini beroperasi.

Hias Indah Enterprise		
Imbalan Duga pada 31 Mac 2020		
Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Tunai	20 000	
Bank	30 000	
Jualan		40 000
Belian	50 000	
Akaun Belum Terima	45 000	
Akaun Belum Bayar		40 000
Sewa	3 000	
Gaji	44 500	
Ansuran pinjaman	1 125	

Daripada imbalan duga tersebut, Iqbal telah memutuskan untuk membuat perubahan kepada objektif perniagaan mereka bagi mengukuhkan aliran tunai perniagaan mereka. Antara perubahan yang dicadangkan ialah meningkatkan jualan sehingga 50%. Idrus kurang bersetuju dengan cadangan tersebut kerana bimbang sekiranya jualan ditingkatkan ia turut meningkatkan kos-kos lain dan boleh menjejaskan keuntungan perniagaan.

Sehubungan dengan itu, Idrus mencadangkan supaya strategi campuran pemasaran yang telah disediakan sebelum ini dirancang dengan lebih teliti. Perancangan ini perlu

***“MODUL KASIH SAYANG BERGANDA” SUSUNAN CIKGU AIDA AMIN
BUAT PELAJAR PERNIAGAAN SMK CLIFFORD***

mengambil kira perubahan gaya hidup dan keadaan ekonomi semasa yang memberi kesan kepada pendapatan masyarakat disebabkan pandemik yang melanda negara.


- a) Jelaskan bentuk pemilikan perniagaan Hias Indah Enterprise [3 markah]
- b) Pada pendapat anda, apakah tugas Iqbal dan Idrus sebagai pengurus pentadbiran dan operasi? [4 markah]
- c) Berdasarkan maklumat kewangan yang diberikan, sediakan penyata aliran tunai Hias Indah Enterprise bagi bulan Mac 2020. [5 markah]
- d) Adakah anda bersetuju dengan cadangan Iqbal untuk meningkatkan jualan sehingga 50%? Rasionalkan alasan anda. [4 markah]
- e) Jelaskan strategi campuran pemasaran yang boleh dilaksanakan oleh perniagaan ini. [4 markah]

KELANTAN 2021

- 10 Encik Syakir adalah pemilik Ladang Arnab Comel (LAC) yang mengusahakan penternakan arnab secara persendirian. Selepas lima tahun beroperasi, beliau mampu berbangga dengan pencapaian dalam bidang yang diceburinya dengan bantuan dua orang pekerja yang masih setia. Objektif utamanya adalah memastikan keuntungan sentiasa meningkat walaupun sedikit. Beliau mempunyai lebih 20 pelanggan tetap yang memerlukan bekalan sebanyak 300 kilogram sebulan dengan purata 150 ekor. Permintaan yang sentiasa meningkat menyebabkan Encik Syakir sanggup menyewa sebidang tanah untuk menambah kawasan operasinya.

Ancaman pandemik covid 19 telah melumpuhkan sektor ekonomi secara keseluruhannya. Keadaan ini turut memberi kesan kepada perniagaan Encik Syakir sehingga matlamat utamanya tidak tercapai. Pengeluaran daging arnab terpaksa dikurangkan. Seorang rakannya yang juga seorang penternak arnab yang berjaya telah mencadangkan untuk mereka mengadakan perkongsian memandangkan situasi semasa yang tidak menentu. Kebetulan pada masa yang sama Encik Syakir memerlukan tambahan modal untuk membuat penyelidikan dan pembangunan bagi memulihkan perniagaannya. Setelah membuat pertimbangan antara mendapatkan pembiayaan dari bank atau mengadakan perkongsian, Encik Syakir bersetuju dengan cadangan rakannya itu.

Graf menunjukkan perkembangan yang berlaku sehingga suku ketiga tahun 2021



Perniagaan Encik Syakir dan rakannya telah berjaya memenuhi permintaan pelanggan dan jualan tahunannya terus meningkat.

***"MODUL KASIH SAYANG BERGANDA" SUSUNAN CIKGU AIDA AMIN
BUAT PELAJAR PERNIAGAAN SMK CLIFFORD***

Berdasarkan kes, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) Mengapakah Encik Syakir menjadikan keuntungan sebagai objektif utamanya? [3 markah]
- (b) Jelaskan kesan yang dihadapi oleh Ladang Arnab Cornel (LAC) akibat ancaman pandemic covid 19? [5 markah]
- (c) Sejauhmanakah anda bersetuju dengan keputusan Encik Syakir? [4 markah]
- (d) Bezakan kos berubah dan kos tetap yang terdapat dalam Ladang Arnab Cornel (LAC) [4 markah]
- (e) Bagaimana Encik Syakir dapat memulihkan perniagaan mereka melalui Penyelidikan dan pembangunan? [4markah]

TERENGGANU 2020

10. Haziq & Haiqal Cleaning Services telah memulakan operasi perniagaan pada 1 Januari 2016 dengan aktiviti utama sebagai pusat cucian kereta sahaja. Pusat cucian ini beroperasi di Kawasan Perindustrian Chendering, Kuala Terengganu.

Setelah dua tahun beroperasi, perniagaan ini mencatatkan peningkatan keuntungan yang memberangsangkan. Haziq dan Haiqal telah membuka satu cawangan di Kawasan Perindustrian Gong Badak, Kuala Nerus dan satu lagi di bandar Marang. Mereka juga meluaskan skop perniagaan kepada perkhidmatan cucian yang lain seperti perkhidmatan cucian ke premis pelanggan yang merangkumi proses sanitasi, cucian karpet, longkang , potong rumput dan membasmi anai-anai .Selain itu perniagaan ini juga telah mendapat kontrak mencuci kenderaan jabatan kerajaan.

Berikut merupakan maklumat jualan bersih, untung bersih dan pekerja Haziq & Haiqal Cleaning Services.

**“MODUL KASIH SAYANG BERGANDA” SUSUNAN CIKGU AIDA AMIN
BUAT PELAJAR PERNIAGAAN SMK CLIFFORD**



Pekerja	Bilangan
Pengurusan	2 orang
Staf Sokongan	9 orang
Pekerja Operasi	45 orang

En. Haziq mengemukakan cadangan untuk menambah bilangan pekerja operasi kepada 70 orang. Namun cadangan ini telah tidak dipersetujui oleh En. Haikal. En. Haziq terus berusaha untuk meyakinkan En. Haikal.

Berdasarkan kes tersebut, jawab soalan berikut:

- Mengapakah Encik Haziq dan Encik Haiqal memilih jenis pemilikan di atas? [4 markah]
- Terangkan prosedur mengurus sumber fizikal perniagaan yang dijalankan oleh Haziq & Haiqal Cleaning Services. [4 markah]
- Jelaskan kelebihan saiz perniagaan di atas. [4 markah]
- Kirakan peratus margin untung bersih Haziq & Haiqal Cleaning Services bagi tahun 2020. [3 markah]
- Kemukakan cadangan kepada En. Haikal supaya ia bersetuju dengan cadangan En. Haziq. [5 markah]

**“MODUL KASIH SAYANG BERGANDA” SUSUNAN CIKGU AIDA AMIN
BUAT PELAJAR PERNIAGAAN SMK CLIFFORD**

PERLIS 2021

- 10 Puan Zailikha bekerja di sebuah syarikat swasta sebagai pegawai kewangan selama 5 tahun. Dia kemudiannya berhenti kerja kerana ingin memulakan perniagaan sendiri. Puan Zailikha yakin dapat menjayakan perniagaannya disebabkan pengalamannya selama 5 tahun dalam bidang kewangan.

Puan Zailikha telah menyewa sebuah lot kedai dengan sewa RM1,200 sebulan. Dia telah membuat beberapa kerja pengubahsuaian agar menjadi sebuah pasar mini. Puan Zailikha telah mendapatkan bekalan produk daripada beberapa pemborong di sekitar kawasan Selayang.

Puan Zailikha dibantu oleh tiga orang pekerja yang sangat dedikasi dan setia dalam menjalankan tugas. Berikut merupakan sistem penggajian yang diamalkan oleh Zai Dolly Trading.

<i>Nama Pekerja</i>	<i>Jawatan</i>	<i>Gaji (RM)</i>
Zailikha Ali	Pengurus	8,500
Rozana Rahim	Penyelia	4,500
Sulaiman Abu	Pekerja am rendah	35 sehari
Razali Suparno	Pekerja am rendah	15 sejam

Pada peringkat awal operasi, aktiviti jualan berjalan agak perlahan. Bilangan pengunjung tidak ramai tetapi semakin meningkat dari sehari ke sehari. Atas saranan pekerjaanya, Puan Zailikha telah menggiatkan aktiviti mempromosikan kedainya termasuk memasang lampu berwarna-warni di kedai, memberi diskaun dan sebagainya. Selain itu, dia juga mengedarkan risalah kepada penduduk setempat dan di kawasan kejiranan yang lain. Hasil daripada kegiatan promosi yang dijalankan, jumlah pelanggan semakin ramai dan ini telah meningkatkan jumlah jualan.

Jadual di bawah merupakan maklumat kewangan Zai Dolly Trading selama 2 tahun.

<i>Butiran</i>	<i>Tahun 2018 (RM)</i>	<i>Tahun 2019 (RM)</i>
Untung kasar	5,000	9,000
Jualan bersih	20,000	30,000
Untung bersih	3,000	4,800
Kos jualan	20,000	24,000
Modal awal	45,000	40,000

Melihat kepada perkembangan baik dalam perniagaannya, beliau ingin menambah modalnya. Puan Zailikha bercadang untuk membuat dan menjual kuih bahulu tradisional dalam bekas Tupperware di pasar mininya. Bagi melaksanakan rancangannya, Puan Zailikha telah meminta pandangan dan pendapat daripada beberapa orang rakannya yang juga seorang peniaga.


Berdasarkan situasi diatas, jawab soalan berikut :

- a) Jelaskan jenis milikan perniagaan Zai Dolly Trading. [3 markah]
- b) Senaraikan faktor luaran yang membawa perubahan kepada persekitaran perniagaan Puan Zailikha. [4 markah]
- c) Apakah faktor yang menyebabkan pembayaran gaji berbeza-beza antara pekerja-pekerja Zai Dolly Trading? [3 markah]
- d) Kenal pasti jenis pembiayaan lain yang boleh diperoleh Puan Zailikha bagi mendapatkan tambahan modal. [4 markah]
- e) Hitungkan peratusan nisbah pulangan atas modal Zai Dolly Trading bagi tahun 2018 dan 2019. Berikan justifikasi kedudukan kewangan berdasarkan nisbah tersebut. [6 markah]

SELANGOR 2021

- 10** Puan Almar telah menubuhkan Local Crisp Enterprise (LCE) pada tahun 2010 sebagai pengeluar pelbagai jenis kerepek yang menggunakan bahan-bahan tempatan. Beliau menggaji penduduk sekitar seramai 20 orang bagi melancarkan operasi perniagaannya. Beliau akan menghantar tempahan kepada pelanggannya dalam radius 20 km dan membeli sendiri bahan mentah daripada penduduk di sekitar kampung dengan menggunakan kenderaan pacuan empat roda beliau. Beliau amat sibuk terutama di musim perayaan. Baru-baru ini, beliau tidak menyedari cukai jalan kenderaannya telah tamat tempoh. Hal ini boleh menyekat pergerakan beliau. Pembekal pula merungut kerana bayaran lambat dibuat. Beliau buntu memikirkan cara mengatasi masalah tersebut. LCE semakin mendapat sambutan kerana cita rasanya menepati permintaan pelanggan.

Oleh itu, Puan Almar telah bersetuju mengambil beberapa orang pekerja tambahan. Pengurus beliau mencadangkan agar Puan Almar menggajikan tenaga pakar bagi memastikan perniagaannya diurus secara profesional. Namun, beliau tidak bersetuju kerana LCE akan menanggung kos gaji yang tinggi. Beliau telah membuat keputusan untuk mengambil pekerja lepasan SPM sahaja. Setelah beberapa bulan, beliau telah meminta pekerja bahagian jualan untuk memberikan maklumat tentang jualan syarikatnya. Maklumat berikut berkaitan dengan laporan jualan untuk 6 bulan.



Puan Almar berpendapat perniagaannya memerlukan sebuah kenderaan tambahan bagi tujuan penghantaran kerepek kepada pembekal dan urusan pembelian bahan mentah. Namun begitu, beliau mempunyai masalah kewangan untuk membelinya. Beliau telah berhubung dengan pengedar Perodua kerana harganya yang agak berpatutan. Puan Almar telah meneliti jadual pembiayaan tersebut:

MODEL	HARGA	5 TAHUN 10% DEPOSIT (Bulanan RM)	7 TAHUN 10% DEPOSIT (Bulanan RM)	9 TAHUN 8% DEPOSIT (Bulanan RM)
Bezza 1.0G (A)	37 000.00	651	491	405

Beliau masih belum dapat membuat keputusan sama ada ingin memilih pembiayaan tempoh 7 atau 9 tahun. Ini disebabkan oleh lebih aliran tunai bulanan hanya berbaki RM500. Hasil usaha Puan Almar yang tidak pernah mengenal jemu, LCE telah meluaskan pasarannya ke peringkat antarabangsa. Namun, LCE berdepan pula dengan masalah akibat kemelesetan ekonomi yang disebabkan pandemik Covid-19. Puan Almar berharap pihak kerajaan akan mengambil tindakan yang tepat untuk menanganinya dengan sebaik mungkin.

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) Huraikan aplikasi teknologi maklumat yang boleh mengatasi masalah Puan Almar. [6 markah]
- (b) Jelaskan kesan keputusan yang dibuat oleh Puan Almar terhadap perniagaannya. [5 markah]
- (c) Apakah jenis sumber pembiayaan luaran tersebut?
Berikan alasan anda dalam membantu Puan Almar membuat keputusannya. [5 markah]
- (d) Jelaskan tindakan yang akan diambil oleh kerajaan bagi menangani masalah tersebut. [4 markah]


NEGERI SEMBILAN 2021

- 10 Encik Iziiham merupakan pengusaha produk cili kisar bagi pasaran di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Beliau telah menjalankan perniagaan ini sejak tahun 2014 dengan mendaftar atas nama Izii Enterprise. Pengeluaran cili kisarnya terus meningkat pada setiap tahun kerana permintaan yang tinggi daripada pengusaha restoran, hotel dan pasar raya. Kemajuan dalam perniagaan ini telah menyebabkan Encik Iziiham nekad untuk menukar bentuk pemilikan perniagaan kepada syarikat sendirian berhad.

Kemajuan perniagaan Izii Enterprise juga adalah kerana Encik Iziiham sentiasa meneliti dan memantau aliran keluar dan masuk wang perniagaannya. Berikut merupakan sebahagian maklumat penyata aliran tunai perniagaan Izii Enterprise bagi tahun 2021.

Penyata Aliran Tunai Izii Enterprise bagi tiga bulan berakhir pada Oktober 2021			
	Ogos (RM)	September (RM)	Oktober (RM)
Baki b/b	42 300	43 600	(i)
PENERIMAAN			
Jualan tunai	45 000	48 200	62 000
Penerimaan dari penghutang	8 000	8 900	9 000
JUMLAH PENERIMAAN	53 000	57 100	71 000
PEMBAYARAN			
Belian tunai	18 000	18 200	19 000
Pembayaran kepada pemiutang	5 000	4 800	3 000
Gaji	14 300	14 300	16 500
Iklan	100	100	100
Sewa	1 300	1 300	1 300
Kos jualan	13 000	13 200	14 500
JUMLAH PEMBAYARAN	51 700	51 900	54 400
LEBIHAN / (KURANGAN)	1 300	5 200	16 600
Baki h/b	43 600	48 800	(ii)

**“MODUL KASIH SAYANG BERGANDA” SUSUNAN CIKGU AIDA AMIN
BUAT PELAJAR PERNIAGAAN SMK CLIFFORD**



Selain itu, perniagaan Encik Iziiham juga mengalami masalah dari segi tukar ganti pekerja yang kerap. Sikap tegas Encik Iziiham ada kalanya tidak disenangi oleh pekerja dan hal ini telah disuarakan oleh Puan Anita, Pengurus bahagian sumber manusia. Beliau mencadangkan agar Encik Iziiham menggunakan cara pengurusan yang lebih positif agar tukar ganti pekerja yang kerap dapat dikurangkan.

Berdasarkan kes, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) Terangkan kelebihan tindakan Encik Iziiham menukar bentuk milikan perniagaannya. [4 markah]
- (b) Jelaskan akta dan peraturan yang perlu dipatuhi oleh Encik Iziiham untuk menukar bentuk milikan perniagaan. [4 markah]
- (c) Berdasarkan kepada Penyata Aliran Tunai Izii Enterprise:
 - (i) Apakah trend perniagaan tersebut? Berikan alasan anda. [2 markah]
 - (ii) Hitung baki h/b bagi bulan Oktober 2021. [2 markah]
- (d) Bersetujukah anda dengan cadangan bahagian pengeluaran Izii Enterprise? Berikan alasan anda. [4 markah]
- (e) Terangkan gaya pengurusan positif yang dimaksudkan oleh Puan Anita. [4 markah]

KUALA LUMPUR 2021

- 10 Butik Anggun dimiliki oleh Puan Irin dan Pn Mira. Butik ini menawarkan pelbagai koleksi pakaian yang menarik dan terkini untuk remaja di Cheras, Kuala Lumpur. Butik Toptrend diuruskan oleh 6 orang pekerja yang berkecualan dan berpengalaman. Selain itu, butik ini juga menerima tempahan menjahit pelbagai jenis pakaian. Koleksi hasil rekaan pekerja di butik ini mendapat sambutan pelanggan di sekitar Cheras, Kuala Lumpur. Bahagian fungsian pengeluaran sangat teliti dalam membuat pemilihan fabrik kain dan sentiasa memantau hasil kerja pekerja dalam bahagian pengeluaran.

Oleh kerana perniagaan telah mendapat sambutan yang hangat, Puan Irin dan Puan Mira telah meneliti kedudukan kewangan perniagaan.

Kedudukan kewangan perniagaan Butik Toptrend

Tahun	Jualan Bersih	Untung Bersih
2019	RM 2 juta	RM 650 000
2020	RM 3 juta	RM 1.2 juta

Pihak pengurusan memutuskan untuk memerlukan lebih ramai pekerja bagi memastikan tempahan pakaian dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan berikutan permintaan koleksi pakaian dan tempahan pakaian yang meningkat.

Puan Irin dan Pn Mira juga telah berbincang membuat pertukaran daripada perkongsian biasa kepada Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) kerana PLT mempunyai lebih banyak kelebihan

Berdasarkan kes tersebut, jawab soalan-soalan yang berikut:

- (a) Terangkan klasifikasi Butik Anggun [4 markah]
- (b) Jelaskan peranan bahagian fungsian pengeluaran dalam menghasilkan pakaian di Butik Anggun [4 markah]
- (c) Apakah kedudukan kewangan perniagaan Butik Anggun. Jelaskan dengan menggunakan analisis nisbah untung [4 markah]
- (d) Jelaskan kemahiran kebolehtkerjaan yang diperlukan di Butik Anggun [3 markah]
- (e) Mengapakah Puan Irin dengan Puan Mira untuk mengubah milikan perniagaan menjadi Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT)? [5 markah]